

22/10/1999

Pemaju diminta jaga alam sekitar

LANGKAWI, Khamis - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini mengingatkan pengusaha yang terbabit dalam pembangunan tanah supaya tidak rakus dengan kegiatan berkenaan, sebaliknya perlu mengambil kira kesan terhadap alam sekitar.

Timbalan Perdana Menteri berkata, adalah wajar bagi mereka menggunakan sebahagian keuntungan untuk menjalankan usaha membaik pulih persekitaran projek bagi mengelak pencemaran yang buruk.

Beliau berkata, pengusaha terbabit boleh berbuat demikian dengan melakukan pembangunan seimbang termasuk membelanjakan sedikit dana untuk menyediakan semula kawasan hijau atau taman riadah yang boleh dinikmati ramai.

"Sebagai negara membangun, Malaysia perlu menjalankan banyak kegiatan pembangunan. Dalam hal ini, kita amat bernasib baik berbanding negara maju yang banyak memusnahkan alam sekitar dalam membangunkan negara mereka.

"Ketika ini, pengetahuan mengenai alam sekitar amat tinggi di kalangan ramai dan saya yakin, dengan adanya kemahiran dalam bidang ini, pembangunan negara dapat dilakukan secara seimbang," katanya ketika melancarkan Minggu Alam Sekitar Malaysia 1999 (MASM `99) peringkat kebangsaan dengan tema `Alam Sekitar ke Alaf Baru' di Dataran Lang, di sini.

Abdullah sebelum itu menyaksikan persembahan silat, nasyid, pembacaan ikrar alam sekitar oleh Briged Alam Sekitar Langkawi diikuti pertunjukan lintas hormat dan aerobatik oleh Kelab Penerbangan Kedah Darul Aman.

Beliau berkata, setiap rakyat negara ini perlu mengubah sikap untuk lebih mencintai alam sekitar dengan tidak membuang sampah ke dalam sungai dan di merata tempat serta membakar sampah di tempat terbuka.

"Rakyat mesti menghargai alam sekitar dan memahami bahawa alam sekitar yang berkualiti dan bersih adalah untuk mereka juga. Kita sebenarnya tidak perlu membeli untuk menikmati udara atau air bersih dari sungai.

"Tetapi untuk nikmati pemberian Allah ini, kita perlu sama-sama berusaha menjaga kebaikan alam sekitar ini supaya tidak membawa kepada sebarang pencemaran yang berupa kekotoran dan keracunan berbahaya," katanya.

Abdullah berkata, Langkawi selain kaya dengan legenda, kini menjadi tarikan pelancong dari seluruh dunia kerana keunikan alam semula jadinya yang indah dan mempesona.

Beliau bangga kerana pihak berkuasa di Langkawi mengambil langkah untuk memulihara alam sekitar sejajar hasrat Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang menyarankan betapa pentingnya projek pembangunan di Langkawi dikawal.

Sehubungan itu, beliau meminta seluruh lapisan masyarakat, badan kerajaan, agensi swasta, badan bukan kerajaan dan korporat terus membabitkan diri secara cergas dalam setiap program meningkatkan kesedaran mengenai pentingnya memulihara alam sekitar.

(END)